

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 1  
RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA m/s 1  
3/2/2025 (ISNIN)

# 90 peratus penghidap HIV di Malaysia lelaki

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**  
dan **NURUL IRDINA SUMALI**  
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Sebanyak 90 peratus daripada 85,283 penghidap HIV di negara ini merupakan golongan lelaki berbanding wanita hanya 10 peratus.

Laporan Pemantauan AIDS Global (Malaysia) dikeluarkan pada 2024 menunjukkan, penghidap HIV terbanyak adalah daripada kumpulan umur 20 ke 29 tahun iaitu sebanyak 44 peratus, diikuti mereka berumur dari 30 hingga 39 tahun iaitu sebanyak 31 peratus.

**Bersambung di muka 2**



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA M/S 2 DI NEGERI 2/2/2025 (ISNIN)

# 90 peratus penghidap HIV di Malaysia lelaki

## Dari muka 1

Statistik itu juga mendedahkan bahawa Selangor mencatat kes tertinggi keseluruhan HIV pada 2023 dengan 1,062 orang diikuti Kuala Lumpur sebanyak 357 orang, Sabah (320), Sarawak (248) dan Johor (236).

Data sama juga menyakikan 84 peratus dari jumlah tersebut atau 71,927 orang mengetahui status mereka serta telah dimaklumkan melalui sistem pengawasan negara.

Jangkitan HIV didapati berpunca daripada hubungan seks sesama lelaki, manakala peratusan lebih kecil berpunca amalan seks dengan jantina berlainan dan berkongsi peralatan suntikan.

Lebih menyedihkan, 68 peratus daripada keseluruhan jumlah pesakit pada 2023 didiagnos lewat, ia menunjukkan peningkatan dari tahun sebelum dan perlunya kempen kesedaran ditingkatkan terhadap golongan berisiko tinggi.

Pengerusi Yayasan AIDS Malaysia, Profesor Datuk Dr. Adeeba Kamarulzaman berkata, tren jangkitan HIV menunjukkan bahawa hubungan

seksual tanpa perlindungan merupakan penyumbang utama kepada peningkatan kes tersebut.

Antara lain, kata beliau, faktor utama yang menyumbang kepada trend tersebut adalah kurangnya pengetahuan mengenai pencegahan HIV seperti penggunaan kondom dan terapi pencegahan pra-pendedahan (PrEP).

Malah katanya, peningkatan pergaulan seks tanpa perlindungan dalam kalangan golongan muda turut membimbangkan.

“Selain itu, stigma sosial terhadap HIV menghalang ramai individu berisiko daripada mendapatkan ujian saringan dan rawatan yang diperlukan. Kumpulan berisiko tinggi seperti lelaki yang mempunyai hubungan seks dengan lelaki dan individu yang terlibat dalam pekerjaan seks, juga mencatatkan kadar jangkitan yang lebih tinggi.

“Walaupun terdapat usaha-usaha untuk meningkatkan kesedaran dan akses kepada rawatan, hubungan seksual tanpa perlindungan terus menjadi faktor utama penye-

baran HIV di Malaysia,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Kata beliau, walaupun kerajaan sentiasa menyediakan rawatan secara percuma kepada golongan terkesan, namun masih lagi ramai yang tidak mahu mendapatkan rawatan atas faktor stigma masyarakat.

“Stigma menyebabkan individu enggan tampil mendapatkan rawatan atau menjalani ujian awal kerana takut dengan reaksi masyarakat.

“Ketakutan terhadap diskriminasi, terutamanya di tempat kerja dan dalam komuniti, sering membuatkan pesakit memilih untuk berdiam diri walaupun mereka mengetahui status kesihatan mereka,” katanya.

Beliau berkata, stigma itu bukan sahaja menyulitkan akses kepada rawatan tetapi juga menyumbang kepada penularan HIV yang tidak terkawal.

“Mereka yang tidak dirawat bukan sahaja berisiko mengalami komplikasi kesihatan yang serius, tetapi juga boleh menyebarkan virus tersebut kepada orang lain tanpa disedari,” jelasnya.



**Walaupun terdapat usaha-usaha untuk meningkatkan kesedaran dan akses kepada rawatan, hubungan seksual tanpa perlindungan terus menjadi faktor utama penyebaran HIV di Malaysia”**

ADEEBA KAMARULZAMAN





AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA DEPAN

UTUSAN MALAYSIA M/C 1 M/DEPAN 3/2/2025 (ISNIN)

Hanya perlu tiga kredit berbanding lima kredit sebelum ini

# Syarat pengambilan jururawat dilonggar

Oleh **HAFIZ SAIDINA**  
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Syarat kemasukan ke program Diploma Kejururawatan bagi lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dilonggarkan kepada hanya tiga kredit iaitu mata pelajaran Bahasa Melayu, Matematik dan Sains.

Sebelum ini, calon perlu

mempunyai lima kredit iaitu Bahasa Melayu, Matematik atau Matematik Tambahan, kredit salah satu mata pelajaran Sains (Biologi, Kimia, Fizik, Sains Gunaan), Bahasa Inggeris dan mendapat kepujian dalam mana-mana satu mata pelajaran lain untuk mengikuti program berkenaan.

Perkara itu disahkan sendiri

oleh Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad kepada *Utusan Malaysia*.

Kata beliau, surat edaran mengenai kelonggaran syarat kemasukan ke program berkenaan yang ditular di media sosial adalah benar.

“Ya, memang benar, sudah dapat info dari Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Muham-

mad Radzi Abu Hassan dengan sebab yang telah diberitahu oleh beliau,” katanya.

Dalam surat tersebut dinyatakan, negara kini menghadapi isu kekurangan jururawat yang semakin meruncing dalam memenuhi keperluan penjagaan kesihatan.

**Bersambung di muka 3**

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA m/s 3 D/NEGERI 3/2/2025 (ISNIN)

# Syarat pengambilan jururawat dilonggar

## Dari muka 1

Oleh itu, jika perkara ini tidak dibendung, ia akan memberi impak dan menjejaskan kepada kesejahteraan negara.

“Perkara ini telah dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Jururawat Malaysia (LJM) pada 28 November 2024. Ahli mesyuarat telah bersetuju untuk melonggarkan syarat kemasukan program Diploma Kejururawatan bagi pelajar lepasan SPM dari lima kepada tiga kredit.

“Memiliki sijil SPM dengan minimum tiga kredit dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Matematik (Elementary/Moden/Tambahan) dan Sains (Sains/Biologi/Kimia/Fizik/Sains Gunaan/Sains Tambahan).

“Selain itu, pemohon perlu mendapat lulus dalam dua mata pelajaran termasuk Bahasa Inggeris,” jelas kandungan surat itu.

Tambahnya lagi, kelonggaran syarat kemasukan tertakluk kepada calon pelajar bagi tahun 2025 dan 2026 sahaja.

“Analisa pencapaian pelajar melalui peperiksaan LJM akan dibuat bagi menilai keberkesanan pelaksanaan tempoh percubaan ini,” katanya.

Sebelum ini, syarat kemasukan bagi program Diploma Kejururawatan memerlukan calon untuk memiliki lima kepujian dalam SPM termasuk Bahasa Melayu, Matematik atau Matematik Tambahan, serta salah satu mata pelajaran Sains seperti Biologi, Kimia, Fizik, atau Sains.

Selain itu, calon juga perlu lulus dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.

Calon juga perlu lulus sesi temuduga yang dijalankan oleh institusi pengajian bagi menilai kesesuaian mereka untuk mengikuti program ini.

Kelmarin, *Utusan Malaysia* melaporkan, kesesakan hospital kerajaan disebabkan kekurangan pengambilan doktor atau jururawat dalam sektor kesihatan.

Laporan Tahunan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) pada 2022 dan 2023 menunjukkan penurunan dalam jumlah pendaftaran sementara untuk beberapa tahun kebelakangan.

Pada 2017, jumlah pendaftaran adalah 6,147 pelajar, dan ia menurun kepada 3,867 pelaj-

jar pada 2021, sementara pada 2022 sebanyak 3,857 pelajar, terus berkurang kepada 3,247 pelajar setahun kemudian.

Jumlah pendaftaran daripada institusi dalam negara juga mencatatkan penurunan iaitu sebanyak 3,336 pelajar pada 2020, 3,054 pelajar (2021), 3,167 pelajar (2022) dan 2,759 pelajar (2023).

Presiden Persatuan Pakar Perubatan Pakar Kesihatan Awam Malaysia, Prof. Dr. Jamalludin Ab. Rahman berkata, penurunan itu lebih ketara dalam kalangan graduan luar negara, di mana jumlah pendaftaran dari luar negara menurun daripada 1,882 graduan pada 2020 kepada 813 graduan (2021), 690 graduan (2022) dan seterusnya 488 (2023).